KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI**
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**
**Y.BHG. KSU**
**Y.BHG. TKSU (PDN)**
**Y.BHG. TKSU (PPP)**
**SETIAUSAHA AKHBAR**

## 18 APRIL 2023 (SELASA)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 18 APRIL 2023 (SELASA)

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI : SELASA
TARIKH : 18/4/2023
M/SURAT : 4

# Lebih banyak barang ditawar harga murah



SALAHUDDIN Ayub (empat dari kanan) meninjau harga minyak masak selepas merasmikan Program Jualan Rahmah di sebuah pasar raya di Jabi, Besut, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

**BESUT:** Kebanyakan pemain industri sektor peruncitan di negara ini menawarkan penjimatan harga terhadap lebih banyak barangan keperluan pada harga lebih murah di bawah inisiatif Payung Rahmah yang diperkenalkan kerajaan sejak Disember tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihak peruncit didapati proaktif apabila menawarkan penjimatan harga terhadap 50 jenis barangan berbanding 30 jenis di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2023 bermula dari 15 hingga 30 April ini.

Menurutnya, perucit terlibat juga memperkenalkan pelbagai pakej yang menarik menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Program Jualan Rahmah adalah kolaborasi bersama pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya dan hypermarket yang menawarkan penjimatan sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga biasa.

"Bagaimanapun terdapat pasar raya dan hypermarket yang didapati menawarkan harga Jualan Rahmah sehingga 100 jenis barangan dalam menjayakan aspirasi kerajaan dalam mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat," katanya selepas merasmikan Program Jualan Rahmah di sebuah pasar raya di Jabi dekat sini semalam.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Pulai itu berkata, kerajaan berharap semua peniaga mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan di bawah SHMMP bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

"Kita sudah beri nasihat namun jika diabaikan, tiada jalan lain selain ambil tindakan perundangan. Berilah kerjasama agar hari raya dapat disambut dalam sejahtera," katanya.

theSun TELLING IT AS IT IS

HARI : SELASA
TARIKH : 18/4/2023
M/SURAT : 4

# Rahmah retailers go above and beyond

**JERTIH:** Industry players, especially those in the retail sector, have not only adopted the "Payung Rahmah" initiative well, they have also offered more than what the government had intended.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said players in the sector were seen to be more proactive in offering various packages, especially with the festive season approaching.

He said although the government has set 30 types of goods under the Festive Season Maximum Price Scheme, there are supermarkets that still offer lower prices on more than 50 items.

He said a survey carried out by the ministry at a supermarket revealed there were up to 100 items being offered at Rahmah rates.

"In addition to the existing Rahmah packages, they also organised a Rahmah sale on their own.

"Of course, we at the ministry are thankful to industry players, who have adopted the Rahmah concept well," he said yesterday. – Bernama

| | | |
|---|---|---|
| HARI | : | SELASA |
| TARIKH | : | 18/4/2023 |
| M/SURAT | : | 8 |

# RM40,000 Rahmah vouchers given to uplift consumers, SME businesses




RAHMAH vouchers worth RM40,000 were distributed by the Selangor government to visitors at Festival Usahawan Gempak for them to spend on Hari Raya Aidilfitri supplies.

The vouchers, ranging in value from RM5 to RM8, were distributed at an event held at Stadium Malawati, Shah Alam.

The three-day event was organised by Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation (Sidec).

The voucher initiative by the state government is to subsidise the cost of buying necessities at the festival.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Fuziah Salleh, during her visit to the festival, thanked the Selangor government.

"The initiative is in line with the Federal Government's efforts to uplift the needy and boost economic growth.

"Involvement of the state government and industry players is crucial to tackle the cost of living issue," she said.

State housing, urban wellbeing and entrepreneur development committee chairman Rodziah Ismail said the vouchers were also meant to uplift small and medium (SME) enterprises.

"It is hoped that these vouchers will help boost the sales of these entrepreneurs.

"The festival provided a platform for them to expand and market their brand to a wider audience," she said.

A total of 150 local brands and 10 food trucks took part in the festival that operated from 10am to midnight daily.

Participating brands included SimplySiti, CK Rahim, Elrah Exclusive, Samu Gaiken, Inai Scarves and Absolut Chocolat.

The event also featured lucky draws with prizes worth up to RM20,000, including motorcycles and home appliances.

Sidec chief executive officer Yong Kai Ping said the festival achieved its target after recording more than 40,000 visitors.

He said that a similar event might be held for other festivals in future such as Chinese New Year.

Also present were KPDN deputy secretary-general (Consumers Empowerment) Datin Roszanina Wahab, KPDN senior director (Trade Distribution and Commerce) Datuk Rohaizi Bahari and Selangor KPDN director Mohd Zuhairi Mat Radey.



Rodziah (yellow tudung) and Fuziah (next to her) giving out Rahmah vouchers at Festival Usahawan Gempak held at Stadium Malawati.

theSun

HARI : SELASA

TARIKH : 18/4/2023

M/SURAT : 5

# Price tag offences most common

**SEREMBAN:** Failure to display a price tag is among the highest offences recorded by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry in Negeri Sembilan since early January.

Its director Muhammad Zahir Mazlan said more than 100 compounds totalling RM16,400 have been issued to the traders involved.

"To date, the highest case recorded by us is the failure to display the price tags and the traders are instantly compounded RM200."

He said this to reporters after launching the state-level Hari Raya Puasa Festive Season Maximum Price Control Scheme at Mydin Hypermarket Seremban 2, which was also attended by State Health, Environment, Cooperatives and Consumerism Committee chairman S. Veerapan.

Muhammad Zahir added that they had yet to receive any complaint about the rising prices of goods or lack of supply.

He also said monitoring activities and checks carried out under *Ops Pantau* 2023 at 3,677 premies involving wholesalers, retailers, supermarkets, general markets and farmer's markets found supply of basic necessities is sufficient at all levels of the business chain during Ramadan. – Bernama

# Pemandu seleweng diesel bersubsidi didenda RM30,000

## Tertuduh mengaku salah miliki 1,450 liter bahan api tanpa lesen

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Pemandu lori didenda RM30,000 selepas mengaku bersalah menyeleweng diesel bersubsidi dengan memiliki sebanyak 1,450 liter bahan mentah itu tanpa lesen, tahun lalu.

Pengakuan itu dibuat Orang Kena Saman (OKS), Moo Yit Lim, 32 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim dalam Bahasa Mandarin.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa memiliki barang kawalan yang juga barang berjadual iaitu minyak diesel sejumlah 1,450 liter dalam dua tong plastik putih, dalam kenderaan lori jenis Daihatsu yang menimbulkan syak munasabah.

Kesalahan itu dilakukan di Jalan Setia 11/3, Taman Setia Indah di sini, pada jam 8 malam 27 Julai 2022.

Bagi perbuatan itu OKS sudah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3 (1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, iaitu berurusan dengan barang kawalan berjadual secara borong atau runcit tanpa lesen.

Tindakan itu adalah kesalahan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22 (1) Akta yang sama.

Mengikut fakta kes, OKS ditahan dalam satu serbuan oleh PDRM pada hari kejadian dan selepas membuat pemeriksaan menemui dua tong plastik yang mengandungi cecair disyaki diesel dianggarkan 2,000 liter yang berada di bahagian belakang lori berkenaan.

### 22 resit belian diesel

Hasil pemeriksaan badan ke atas OKS pula menemui kunci dan resit pembelian minyak diesel dari pelbagai stesen minyak sebanyak 22 keping yang berjumlah RM 4,300.



*Yit Lim dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.*
(Foto BERNAMA).

OKS gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit untuk menyimpan dan berurusan dengan minyak diesel apabila diminta oleh PDRM.

Hasil siasatan, lori berkenaan disewa OKS daripada individu lain dalam keadaan tidak diubahsuai.

Namun selepas pemeriksaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mendedahkan terdapat pengubahsuaian dilakukan terhadap lori berkenaan, yang mana terdapat sambungan paip dari tangki utama kenderaan ke tangki bahan api tambahan pada kenderaan.

Sebuah pam dipasang dan disambungkan pada tangki utama kenderaan bertujuan untuk memindahkan minyak diesel dari tangki utama kenderaan ke tangki bahan api tambahan yang telah diubahsuai pada kenderaan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Iklas Raja Ariff. Manakala OKS tidak diwakili peguam.

Hakim turut memerintahkan, lori Daihatsu dan baki jualan diesel 2,000 liter yang bernilai RM3,480 di dalam lori terbabit dilucutkan hak kepada kerajaan Malaysia.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA

TARIKH : 18/4/2023

M/SURAT : 14

# Pemandu lori didenda RM30,000 seleweng diesel



YIT LIM mengaku bersalah atas dakwaan seleweng minyak diesel di Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

**JOHOR BAHRU** – Seorang pemandu lori didenda RM30,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam atas pertuduhan menyeleweng minyak diesel dengan memiliki 1,450 liter barang kawalan berjadual itu tanpa lesen, Julai lalu.

Orang kena saman (OKS), Moo Yit Lim, 32, membuat pengakuan tersebut sejurus pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut kertas pertuduhan, Yit Lim didapati memiliki barang kawalan iaitu minyak diesel sejumlah 1,450 liter di dalam tong plastik putih di dalam sebuah lori Daihatsu yang mencurigakan.

Bagi perbuatan itu OKS telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3 (1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974, iaitu berurusan dengan barang kawalan berjadual secara borong atau runcit tanpa lesen.

Perbuatan itu dikesan dilakukan pada pukul 8 malam di Jalan Setia 11/3, Taman Setia Indah pada 27 Julai 2022.

Tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta yang sama.

Mengikut fakta kes, lelaki itu ditahan dalam satu serbuan polis pada hari kejadian telah menemui dua buah tong plastik yang mengandungi cecair disyaki diesel 2,000 liter yang berada di bahagian belakang lori tersebut.

Hasil pemeriksaan menemui kunci dan resit pembelian minyak diesel dari pelbagai stesen minyak sebanyak 22 keping yang berjumlah RM4,300, tertuduh gagal mengemukakan sebarang lesen atau permit untuk menyimpan dan penyimpanan itu.

Suspek dipercayai menyewa lori selama 11 hari dengan bayaran RM150 sehari untuk tujuan itu.

Pemeriksaan yang dilakukan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan mendapati, terdapat sambungan paip dari tangki utama kenderaan ke tangki bahan api tambahan pada kenderaan.

Hakim turut memerintahkan, lori dan baki jualan diesel bernilai RM3,480 didalam lori terbabit dilucutkan hak kepada Kerajaan Malaysia.

Harian Metro

HARI : SELASA
TARIKH : 18/4/2023
M/SURAT : 6

# Didenda RM30k seleweng diesel

**Johor Bahru:** Pemandu lori didenda RM30,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menyeleweng 1,450 liter diesel bersubsidi tahun lalu.

Moo Yit Lim, 32, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Lim didakwa memiliki barang kawalan yang juga barang berjadual dalam dua tong plastik putih dalam lori Daihatsu ketika diserbu polis di Jalan Setia 11/3, Taman Setia Indah di sini jam 8 malam 27 Julai 2022.

Sehubungan itu tertuduh melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan barang kawalan berjadual secara borong atau runcit tanpa lesen.

Perbuatan itu kesalahan di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22 (1) akta sama.

Mengikut fakta kes, pemeriksaan badan ke atas tertuduh menemukan kunci dan resit pembelian diesel dari pelbagai stesen minyak sebanyak 22 keping berjumlah RM4,300.

Tertuduh gagal mengemukakan lesen atau permit menyimpan dan berurusan dengan bahan bersubsidi itu apabila diminta oleh anggota serbuan.

Pemeriksaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mendapati pengubahsuaian dilakukan terhadap lori terbabit dengan terdapat sambungan paip dari tangki utama kenderaan ke tangki bahan api tambahan.

Sebuah pam dipasang dan disambungkan pada tangki utama kenderaan bertujuan untuk memindahkan diesel dari tangki utama kenderaan ke tangki bahan api tambahan yang telah diubahsuai pada kenderaan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Iklas Raja Ariff. Manakala OKS tidak diwakili peguam.



YIT Lim mengaku salah atas pertuduhan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

Harian Metro

HARI : SELASA
TARIKH : 18/4/2023
M/SURAT : 6

JUAL TELUR AYAM MELEBIHI HARGA MAKSIMUM

# Pengarah syarikat peruncit nafi tuduhan

**Johor Bahru:** Syarikat peruncit Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn Bhd dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan menjual telur ayan melebihi harga maksimum runcit awal tahun ini.

Bagaimanapun, syarikat yang diwakili seorang pengarahnya iaitu wanita berusia 26 tahun itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut kertas pertuduhan, rangkaian kedai runcit milik syarikat terbabit menjual barangan harga terkawal iaitu telur ayam gred B dengan harga 70 sen sebiji.

Nilai itu melebihi harga maksimum runcit ditentukan dalam Jadual Ketiga (Perenggan 4) Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) iaitu 43 sen sebiji.

Kesalahan dilakukan di premis Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn Bhd di 44, Jalan Perjiranan 2, Bandar Dato Onn di sini kira-kira jam 11.30 pagi, 2 Januari lalu mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 18 (a) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 dan bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM1 juta.

Pendakwaan dikendali Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Iklas Raja Ariff, manakala syarikat diwakili peguam Farah Wahidah Mohd Sharip.

**Mahkamah menetapkan 18 Mei ini sebagai tarikh serahan dokumen.**



TERTUDUH mewakili syarikat peruncit dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : SELASA
TARIKH : 18/4/2023
M/SURAT : 15

# Syarikat peruncitan mengaku tidak bersalah jual telur melebihi harga maksimum



Seorang wakil syarikat (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen pada Isnin kerana didakwa menjual telur melebihi harga.

**JOHOR BAHRU** - Sebuah syarikat peruncitan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Isnin atas pertuduhan menjual telur melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan di Bandar Dato Onn, 2 Januari lalu.

Pengakuan itu dibuat seorang wanita berusia 26 tahun yang juga pengarah syarikat berkenaan di hadapan Hakim Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Berdasarkan pertuduhan, syarikat itu didapati menjual barangan terkawal iaitu telur ayam gred B dengan harga 70 sen sebiji yang melebihi harga maksimum runcit ditetapkan iaitu 43 sen sebiji.

Harga tersebut ditentukan mengikut Jadual Ketiga (Perenggan Empat) Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (no 12) 2022.

Hakim kemudian menetapkan 18 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes. Syarikat itu diwakili peguam, Farah Wahidah Mohd Sharip manakala pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Iklas Raja Ariff.

Kes tersebut dijalankan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) dan jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM500,000 manakala bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda sehingga RM1 juta.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : SELASA
TARIKH : 18/4/2023
M/SURAT : 16

Melebihi harga maksimum 43 sen yang ditetapkan

# Syarikat jual telur gred B, 70 sen sebiji didakwa

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Sebuah syarikat peruncit, Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn. Bhd. mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas pertuduhan menjual telur ayam gred B pada harga 70 sen sebiji iaitu lebih 27 sen daripada harga maksimum ditetapkan, awal tahun lalu.

Pengakuan itu dibuat salah seorang pengarah syarikat berkenaan iaitu wanita berusia 26 tahun selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Mengikut pertuduhan, premis perniagaan itu telah menawarkan untuk menjual barangan harga terkawal iaitu telur ayam gred B dengan harga 70 sen sebiji.

Ia menyaksikan peruncit menaikkan harga sebanyak 27 sen, melebihi harga maksimum runcit yang ditentukan Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022 iaitu 43 sen sebiji.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira pukul 11.30 pagi di premis Kumpulan Usaha Keluarga Jaya beralamat di No. 44, Jalan Perjiranan 2, Bandar Dato Onn di sini, pada 2 Januari lalu.

Ia merupakan kesalahan di bawah Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 18(a) Akta sama.




SALAH seorang pengarah syarikat peruncit Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn. Bhd. yang hadir ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru semalam.

Syarikat terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 bagi kesalahan pertama dan didenda tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Raja Nor Iklas Raja Ariff.

Sementara itu, Orang Kena Saman (OKS) diwakili peguam Kumpulan Usaha Keluarga Jaya Sdn. Bhd., Farah Wahidah Mohd. Sharip.

Mahkamah menetapkan 18 Mei depan sebagai sebutan semula dan serahan dokumen.

HARI : SELASA

TARIKH : 18/4/2023

M/SURAT : 18

# Isu tiket penerbangan luar bidang Tribunal Tuntutan Pengguna

**Putrajaya:** Pertikaian berkaitan perkhidmatan syarikat penerbangan adalah di luar bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

KPDN menerusi kenyataan semalam, memaklumkan perkara itu perlu dirujuk kepada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom).

Menurut KPDN, perkara berkenaan sudah dikuatkuasakan pada 1 Mac 2016 melalui Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015, Akta A1498, Seksyen 99(1)(c) yang dipinda dengan memasukkan Seksyen 99(1)(ca).

"Ia memperuntukkan bahawa apa-apa isu pertikaian berkaitan dengan perkhidmatan mana-mana syarikat penerbangan hendaklah dirujuk kepada Mavcom," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu sebagai maklum balas kepada aduan Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) mengenai perkhidmatan pengangkutan udara terutama berkenaan harga, pertukaran jadual dan pembatalan penerbangan seperti yang dilaporkan oleh sebuah stesen televisyen tempatan pada 16 April.

"Bagaimanapun, segala aduan yang kementerian terima selama ini dimajukan kepada Mavcom untuk tindakan selanjutnya," menurut KPDN.

Pengguna disaran untuk menyimpan atau merakam semua transaksi apabila berhubung dengan syarikat penerbangan dan membuat aduan terus kepada Mavcom berserta bahan bukti, melalui pautan https://flysmart.my/en/make-a-complaint/ atau e-mel kepada enquiries@flysmart.my.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# MEDIA ONLINE
# (KPDN)

## 18 APRIL 2023 (SELASA)

| BERITA ONLINE BERTARIKH 18 APRIL 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 18-Apr | SHMMP: Tiga peruncit dikompaun tak pamer tanda harga | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1091013/shmmp-tiga-peruncit-dikompaun-tak-pamer-tanda | BH |
| 18-Apr | Tiga peruncit dikompaun RM500, bekalan barang mencukupi – Fuziah | https://malaysiagazette.com/2023/04/17/tiga-peruncit-dikompaun-rm500-bekalan-barang-mencukupi- | MALAYSIAGAZETTE |
| 18-Apr | Op Pantau: KPDN mulakan | https://youtu.be/BrQikyPplrs | BERNAMATV |
| 18-Apr | Jual telur 70 sen sebiji, syarikat dihadapkan ke mahkamah | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/957860/jual-telur-70-sen-sebiji-syarikat-dihadapkan-ke- | HM |
| 18-Apr | Syarikat peruncitan didakwa jual telur lebihi harga maksimum | https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/syarikat-peruncitan-didakwa-jual-telur-lebihi-harga- | UM |
| 18-Apr | Failure to display price tag highest offence by traders in Negeri Sembilan | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2182399 | BERNAMA |
| 18-Apr | Isu penerbangan: Adu terus kepada Mavcom | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-penerbangan-adu-terus-kepada-mavcom- | ASTROAWANI |
| 18-Apr | Isu penerbangan: KPDN minta pengguna buat aduan terus kepada MAVCOM | https://harapandaily.com/isu-penerbangan-kpdn-minta-pengguna-buat-aduan-terus-kepada-mavcom/ | HARAPANDAILY |
| 18-Apr | KPDN: Flight issues not under consumer claims tribunal's jurisdiction | https://www.thesundaily.my/local/kpdn-flight-issues-not-under-consumer-claims-tribunal-s-jurisdiction-AB10881652 | THESUNDAILY |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18-Apr | Isu perhidmatan penerbangan luar bidang kuasa tribunal tuntutan pengguna | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2182374 | BERNAMA |
| 18-Apr | Adu masalah perkhidmatan penerbangan kepada Mavcom - KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/adu-masalah-perkhidmatan-penerbangan-kepada-mavcom-kpdn | SUARAKEADIALAN |
| 18-Apr | Ada masalah tiket penerbangan? Buat aduan pada MAVCOM | https://ismaweb.net/2023/04/17/ada-masalah-tiket-penerbangan-buat-aduan-pada-mavcom/ | ISMAWEB |
| 18-Apr | Isu penerbangan: Adu terus kepada Mavcom | https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/254827 | SH |
| 18-Apr | Isu perhidmatan penerbangan luar bidang kuasa tribunal tuntutan pengguna | https://www.buletintv3.my/nasional/isu-perkhidmatan-penerbangan-luar-bidang-kuasa-tribunal-tuntutan-pengguna/ | BULETINTV3 |
| 18-Apr | Pemandu lori miliki barangan kawalan berjadual diesel tanpa lesen didenda rm30,000 | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2182420 | BERNAMA |
| 18-Apr | Pemandu lori seleweng diesel bersubsidi didenda RM30,000 | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/957833/pemandu-lori-seleweng-diesel-bersubsidi-didenda-rm30000 | HM |
| 18-Apr | KPDN Kedah rampas diesel, petrol bersubsidi | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/61842-kpdn-kedah-rampas-diesel-petrol-bersubsidi | BERITARTM |
| 18-Apr | Ministry discourages 'panic buying' of goods in Miri for Hari Raya, assures adequate supply | https://dayakdaily.com/ministry-discourages-panic-buying-of-goods-in-miri-for-hari-raya-assures-adequate-supply/ | DAYAKDAILY |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18-Apr | KPDN: Subsidised cooking oil quota remains at 60,000 tonnes per month | https://www.thesundaily.my/local/kpdn-subsidised-cooking-oil-quota-remains-at-60000-tonnes-per-month-KB10883018 | THESUNDAILY |
| 18-Apr | KPDN tidak bercadang kurangkan kuota minyak masak bersubsidi | https://malaysiagazette.com/2023/04/17/kpdn-tidak-bercadang-kurangkan- | MALAYSIAGAZETTE |
| 18-Apr | Salahuddin: Retail sector players translate Rahmah concept well | https://www.theborneopost.com/2023/04/17/salahuddin-retail-sector-players-translate-rahmah-concept-well/ | THEBORNEOPOST |
| 18-Apr | Daily living comes first for Sabahans, no Aidilfitri extravagance | https://www.theborneopost.com/2023/04/17/daily-living-comes-first-for-sabahans-no-aidilfitri-extravagance/ | THEBORNEOPOST |
| 18-Apr | Hari Raya price control scheme: 244 Sabah premises inspected so far, no offences reported | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/17/hari-raya-price-control-scheme-244-sabah-premises-inspected-so-far-no-offences-reported | THESTAR |
| 18-Apr | Harga daging tempatan ditetapkan RM41 sekilogram | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1091045/harga-daging-tempatan- | BH |
| 18-Apr | Persiapan Aidilfitri sederhana di Sabah | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/438404 | THEMALAYSIANINSIGHT |
| 18-Apr | KPDN: Kuota minyak masak bersubsidi kekal 60,000 tan sebulan | https://selangorkini.my/2023/04/kpdn-kuota-minyak-masak-bersubsidi-kekal-60000-tan-sebulan/ | SELANGORKINI |
| 18-Apr | Kuota minyak masak bersubsidi kekal 60,000 tan sebulan - kpdn | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2182549 | BERNAMA |
| 18-Apr | Kuota minyak masak bersubsidi kekal 60,000 tan sebulan - KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kuota-minyak-masak-bersubsidi-kekal-60-000-tan-sebulan-kpdn-415903%3famp=1 | ASTROAWANI |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18-Apr | Kuota minyak masak tak kurang, kekal 60,000 tan sebulan, kata KPDN | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/17/kuota-minyak-masak-tak-kurang-kekal- | FMT |
| 18-Apr | Domestic Trade Ministry: Subsidised cooking oil quota remains at 60,000 tonnes per month | https://www.theborneopost.com/2023/04/17/domestic-trade-ministry-subsidised-cooking-oil-quota-remains-at-60000-tonnes-per- | THEBORNEOPOST |
| 18-Apr | Kuota 60,000 tan metrik minyak masak kekal | https://www.kosmo.com.my/2023/04/17/kuota-60000-tan-metrik-minyak-masak-kekal/ | KOSMO |
| 18-Apr | Tidak ada cadangan kurangkan kuota minyak masak subsidi | https://www.edisi9.com.my/2023/04/tidak-ada-cadangan-kurangkan-kuota-minyak-masak-subsidi/ | EDISI9 |
| 18-Apr | Domestic Trade Ministry: Subsidised cooking oil quota remains at 60,000 tonnes per month | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/17/domestic-trade-ministry-subsidised-cooking-oil-quota-remains-at-60000-tonnes-per-month/65246 | MALAYMAIL |
| 18-Apr | SHMMP Hari Raya Puasa 2023 peringkat negeri Sabah dilancar | https://wartaoriental.com/2023/04/17/shmmp-hari-raya-puasa-2023-peringkat-negeri-sabah-dilancar/ | WARTAORIENTAL |
| 18-Apr | Gagal letak tanda harga kesalahan tertinggi di Negeri Sembilan | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/61860-gagal-letak-tanda-harga-kesalahan-tertinggi-di-negeri-sembilan-kpdn | BERITARTM |
| 18-Apr | SHMMP: Peruncit dikompaun tidak pamer tanda harga - Fuziah | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/shmmp-peruncit-dikompaun-tidak-pamer-tanda-harga-fuziah-415851%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 18-Apr | Only three retailers fined for not displaying price tags, says Fuziah | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/17/only-three-retailers-fined-for-not-displaying-price-tags-says-fuziah/65209 | MALAYMAIL |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18-Apr | SHMMP: Tiga peruncit dikompaun tak pamer tanda harga | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1091013/shmmp-tiga-peruncit-dikompaun-tak-pamer-tanda-harga | BH |
| 18-Apr | Only three retailers fined for not displaying price tags — Deputy minister | https://selangorjournal.my/2023/04/only-three-retailers-fined-for-not-displaying-price-tags-deputy-minister/ | SELANGORJOURNAL |
| 18-Apr | Only three retailers fined for not displaying price tags, says Fuziah | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/17/only-three-retailers-fined-for-not-displaying-price-tags-says-fuziah/65209 | MALAYMAIL |
| 18-Apr | Lorry driver fined RM30,00 for possession of subsidised diesel | https://www.thesundaily.my/local/lorry-driver-fined-rm30000-for-possession-of-subsidised-diesel-DB10883110 | THESUNDAILY |